

01 JUL 2000

Adnan-Timbangan

TIADA MASALAH SEBAGAI TIMBALAN PENERUSI PERHUBUNGAN, KATA ADNAN

KUANTAN, 1 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata beliau tidak ada masalah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Pahang.

Beliau mengalu-alukan pelantikan itu dan percaya Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai perkiraan tertentu kenapa Tan Sri Khalil Yaakob dilantik Pengerusi Perhubungan Umno Negeri dan beliau sebagai timbalannya.

"Kita di Pahang ini tidak ada perpecahan.. Siapa naik siapa turun tak jadi masalah Kita saling ada kerjasama antara satu sama lain.

"Yang penting kita mesti jalankan tugas untuk mengambil tahu hal rakyat dan menghadapi serangan pembangkang, terutamanya pada pilihan raya umum pada 2004 atau 2005 nanti," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam Kumpulan Maybank di sini.

Ditanya sama ada pelantikan itu tanda kurang percaya pucuk pimpinan kepada beliau, katanya sekiranya demikian, bukan sahaja beliau tidak dilantik menjadi pengerusi perhubungan Umno negeri malah juga tidak dilantik sebagai menteri besar.

Katanya, Umno Pahang juga memerlukan pengalaman Khalil untuk menerajui parti itu di Pahang.

"Beliau sudah 62 tahun manakala saya 50. Mungkin saya memerlukan sedikit masa lagi," kata Adnan.

Adnan yang sebelum ini Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berjanji akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Khalil dan berpendapat di Pahang sama ada ia dipegang oleh menteri besar ataupun tidak InsyaAllah ianya akan berjalan lancar.

Ditanya sama ada pelantikannya sebagai timbalan perhubungan itu membolehkan beliau memberikan tumpuan kepada tugasnya sebagai menteri besar beliau berkata, ia boleh menjadi faktor kerana Pahang adalah sebuah negeri yang besar.

"Saya mesti pergi ke daerah-daerah. Sekarang saya dalam pusingan kedua lawatan," katanya yang baru-baru ini melawat Jerantut, Rompin dan Cameron Highlands.

-- BERNAMA

SHS RI